

**HUBUNGAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI DENGAN KEMENJADIAN PELAJAR
BAHASA ARAB DI UNIVERSITI AWAM PANTAI TIMUR**

*THE RELATIONSHIP BETWEEN COMMUNICATION SKILLS AND THE HOLISTIC
STUDENT DEVELOPMENT OF ARABIC LANGUAGE STUDENTS AT PUBLIC
UNIVERSITIES ON THE EAST COAST.*

Asma' Salsabila Binti Tai' Tullah¹, Wan Ab Aziz bin Wan Daud^{2*}

^{1,2}Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan,
Kelantan

*Corresponding author: abaziz.wd@umk.edu.my

Received: 3 Nov 2025, **Revised:** 20 Dec 2025, **Accepted:** 25 Dec 2025, **Published:** 31 Dec 2025

To Cite this Article (APA) : Tai'tullah, A. S., & Wan Daud, W. A. A. (2025). Hubungan Kemahiran Komunikasi Dengan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab Di Universiti Awam Pantai Timur. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 6(2), 137-156.

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol6.2.10.2025>

Abstrak

Kajian ini meneliti tahap kemahiran komunikasi bahasa Arab dan tahap kemenjadian pelajar bahasa Arab, serta hubungan antara kedua-dua konstruk tersebut dalam kalangan pelajar universiti awam Pantai Timur. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan melibatkan 293 orang pelajar daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang dipilih menggunakan persampelan rawak berstrata. Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur merangkumi maklumat demografi, kemahiran komunikasi bahasa Arab dan kemenjadian pelajar. Kesahan kandungan disahkan melalui panel pakar, manakala kebolehpercayaan instrumen menunjukkan nilai *alpha Cronbach* melebihi 0.80. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi melalui IBM SPSS. Dapatan deskriptif menunjukkan tahap kemahiran komunikasi bahasa Arab dan kemenjadian pelajar berada pada tahap tinggi. Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan wujud hubungan positif sederhana yang signifikan antara kemahiran komunikasi bahasa Arab dan kemenjadian pelajar ($r = 0.52$, $p < 0.001$). Analisis regresi mengesahkan kemahiran komunikasi merupakan peramal signifikan kepada kemenjadian pelajar dengan pekali penentuan $R^2 = 0.303$ dan kecerunan $\beta = 0.615$. Dapatan ini membuktikan bahawa pengukuhan komunikasi bahasa Arab berpotensi meningkatkan kemenjadian pelajar secara holistik, sejajar dengan agenda pembangunan graduan holistik dan kebolehpasaran. Kajian mencadangkan pengajaran bahasa Arab diperkukuh melalui latihan komunikasi autentik, bi'ah lughawiyah, penilaian berasaskan prestasi dan integrasi kemahiran insaniah dalam kurikulum.

Kata Kunci: Kemahiran komunikasi; bahasa Arab; Kemenjadian pelajar; Kebolehpasaran graduan; Universiti awam Pantai Timur; Pembelajaran autentik

Abstract

This study examines the relationship between Arabic communication skills and student holistic development) among Arabic-language students at public universities on Malaysia's East Coast. A quantitative survey design was employed involving 293 students from Universiti

Hubungan Kemahiran Komunikasi dengan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab di Universiti Awam Pantai Timur

Malaysia Kelantan (UMK) and Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) selected through stratified random sampling. A structured questionnaire was used to measure students' Arabic communication skills (receptive and productive abilities, functional use, and academic communication) and their holistic development, including academic confidence, soft skills, professional readiness, problem-solving, and career-oriented aspirations. Data were analysed using descriptive statistics and inferential tests in SPSS. Findings indicate that students reported generally high levels of Arabic communication skills and holistic development. Correlation analysis revealed a moderate, positive, and statistically significant relationship between Arabic communication skills and holistic development ($r = 0.52$, $p < 0.001$). Regression results further showed that Arabic communication skills significantly predicted holistic development, explaining 30.3% of the variance ($R^2 = 0.303$) with a positive regression coefficient ($\beta = 0.615$). These results suggest that strengthening Arabic communication competence can meaningfully contribute to students' holistic growth, particularly in confidence, engagement, and career preparedness. The study recommends more systematic integration of authentic communication tasks, industry-relevant activities, and supportive language environments to enhance students' holistic outcomes.

Keywords: *Communication skills; Arabic language; student holistic development; graduate employability; East Coast Malaysian public universities; authentic learning*

Pengenalan

Kemahiran komunikasi bahasa Arab merupakan antara elemen teras yang menentukan keberkesanan pembelajaran dan pencapaian pelajar dalam pengajian bahasa Arab di universiti. Dalam konteks universiti awam Pantai Timur, penguasaan komunikasi bahasa Arab bukan sahaja merujuk kepada kecekapan linguistik seperti sebutan, tatabahasa dan kosa kata, tetapi turut melibatkan keupayaan berinteraksi secara lisan dan bertulis dengan yakin, tepat dan sesuai mengikut situasi akademik serta sosial. Keupayaan ini penting kerana proses pembelajaran bahasa di peringkat tinggi memerlukan pelajar mengaplikasikan bahasa secara aktif dalam pembentangan, perbincangan ilmiah, penulisan akademik, tugasan kursus, serta aktiviti kokurikulum yang berkaitan.

Seiring dengan tuntutan pendidikan tinggi yang menekankan pembangunan holistik, konsep kemenjadian pelajar turut menjadi indikator utama kejayaan pelajar bahasa Arab. Kemenjadian pelajar merangkumi perkembangan menyeluruh seperti pencapaian akademik, keyakinan diri, kemahiran insaniah, kepimpinan, kebolehsuaian, nilai profesionalisme, serta kesiapsiagaan menghadapi cabaran dunia pekerjaan. Dalam pengajian bahasa, kemahiran komunikasi yang mantap berpotensi menyumbang kepada peningkatan motivasi, penglibatan pembelajaran, kebolehan menyelesaikan masalah, dan kemampuan membina jaringan sosial serta akademik, yang akhirnya memperkukuh kemenjadian pelajar secara keseluruhan.

Graduan bahasa di Malaysia kini berdepan senario pasaran kerja yang semakin mencabar apabila pelbagai kajian menunjukkan wujud jurang yang ketara antara kelayakan akademik dan keperluan sebenar industri (Nadarajah, 2021; Penang Institute, 2022; Rahman & Khalid, 2024). Walaupun sebahagian graduan berjaya memanfaatkan kemahiran bahasa untuk menembusi pelbagai sektor, masih ramai yang berhadapan dengan isu kebolehpasaran akibat kelemahan dalam kemahiran insaniah kritikal, khususnya komunikasi berkesan dan elemen profesional yang menyokong kesiapsiagaan kerjaya (Basir, 2022; Nur et al., 2024). Dalam konteks ini, kajian mengenai bahasa dan kebolehpasaran graduan menegaskan bahawa kecekapan komunikasi termasuk komunikasi lisan dan penulisan profesional—merupakan penentu penting kebolehpasaran graduan (Zainuddin, 2019). Laporan antarabangsa turut

menunjukkan kemahiran komunikasi, khususnya komunikasi antara budaya, ialah antara soft skills paling utama yang dituntut majikan dalam pasaran kerja global yang kompetitif, namun masih wujud jurang signifikan dalam penguasaannya dalam kalangan graduan (Economist Impact, 2023).

Bagi program bahasa, termasuk Bahasa Arab, keperluan terhadap graduan yang mampu berkomunikasi secara fungsional dalam pelbagai konteks semakin meningkat selari dengan tuntutan sektor pendidikan, perniagaan, perdagangan, pelancongan dan bidang profesional lain. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan sebahagian graduan bahasa masih belum mencapai tahap kemahiran komunikasi yang dikehendaki majikan, terutamanya dalam aspek komunikasi lisan dan penulisan profesional. Yong dan Ling (2023) menegaskan wujud jurang persepsi yang ketara antara majikan dan graduan terhadap kepentingan kemahiran insaniah, termasuk komunikasi interpersonal dan kemahiran profesional, yang memberi kesan langsung terhadap kebolehpasaran graduan di Malaysia. Kajian oleh Ong, Ting, Chuah dan Jerome (2022) turut mengenal pasti ketidakpadanan antara persepsi pelajar, pensyarah dan majikan mengenai tahap kecekapan komunikasi serta kebolehpasaran graduan, dengan majikan menekankan keupayaan berkomunikasi secara efektif sebagai faktor utama dalam proses pengambilan pekerja. Selari dengan itu, Malaysia Education Blueprint 2015–2025 (Higher Education) turut menggariskan kebimbangan terhadap tahap penguasaan bahasa yang tidak konsisten dalam kalangan graduan, termasuk kelemahan dalam kemahiran komunikasi profesional dan penulisan yang menepati piawaian industri (Ministry of Education Malaysia, 2015).

Dalam konteks pelajar dan graduan Bahasa Arab, isu ini menjadi lebih kritikal kerana kemahiran komunikasi bahasa Arab bukan sekadar penguasaan linguistik, tetapi juga kebolehan mengaplikasikan bahasa secara bermakna dalam situasi akademik dan profesional. Ghani, Daud dan Ramli (2019) menjelaskan bahawa walaupun pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus (Arabic for Specific Purposes) semakin diperluas di institusi pengajian tinggi, masih terdapat cabaran dalam mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam konteks kerja sebenar. Dapatan ini disokong oleh Yan Mei, Ju, Romli dan Adam (2025) yang menegaskan pembangunan kemahiran profesional graduan Bahasa Arab di Malaysia masih kurang menyeluruh, termasuk dari segi pendedahan kepada latihan industri dan kemahiran kebolehpasaran yang sejajar dengan keperluan sektor moden.

Antara punca yang sering dibangkitkan ialah orientasi kurikulum pengajian bahasa yang masih cenderung menekankan aspek linguistik dan akademik, sedangkan pengukuhan latihan komunikasi autentik seperti komunikasi lisan berstruktur, penulisan profesional, kolaborasi industri, dan tugasan berasaskan situasi sebenar masih belum dimanfaatkan secara optimum (Razak & Saad, 2019). Beberapa kajian menegaskan keperluan mengintegrasikan latihan amali, kolaborasi industri serta latihan komunikasi lisan dan penulisan profesional ke dalam program bahasa bagi memperkukuh kompetensi pelajar dan kesiapsiagaan kerjaya (Yusoff & Abdullah, 2018; Zainal & Yusoff, 2019).

Selain itu, perubahan landskap pekerjaan termasuk ekonomi digital dan ekonomi gig mewujudkan ruang baharu yang menuntut graduan bahasa berupaya menonjolkan komunikasi yang meyakinkan, profesional dan bernilai pasaran melalui platform digital (Mamat, Harun, Ruzulan, Azrae, & Kamaruddin, 2023; Rahim, n.d.). Namun, potensi ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya apabila program pengajian bahasa dilaporkan masih memberi penekanan yang besar kepada kemahiran linguistik semata-mata, sedangkan kemahiran komunikasi dalam ekosistem digital dan keupayaan membina nilai profesional perlu diperkukuh secara lebih strategik (Shariffuddin, Apandi, & Wallang, 2023). Kajian turut

Hubungan Kemahiran Komunikasi dengan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab di Universiti Awam Pantai Timur

menunjukkan pembangunan kemahiran abad ke-21 serta literasi digital dalam pendidikan bahasa dapat meningkatkan komunikasi antara budaya, kreativiti dan keupayaan pelajar menyesuaikan diri dengan konteks baharu (Komalasari, 2021), manakala pendidikan keusahawanan digital membantu pelajar menggabungkan kemahiran teknologi, inovasi dan keupayaan membina kerjaya moden yang lebih fleksibel (Sitaridis & Kitsios, 2024).

Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan untuk meneliti hubungan antara kemahiran komunikasi bahasa Arab dengan kemenjadian pelajar bahasa Arab di universiti awam Pantai Timur. Penelitian ini penting bagi memahami sejauh mana kemahiran komunikasi bahasa Arab menjadi faktor signifikan yang mempengaruhi pembentukan pelajar yang berkualiti, berdaya saing dan seimbang dari aspek akademik serta pembangunan diri. Dapatan kajian dijangka dapat membantu pihak universiti dan pensyarah merancang intervensi pengajaran, strategi pembelajaran dan sokongan akademik yang lebih berfokus bagi meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab dan seterusnya memperkasakan kemenjadian pelajar.

Sorotan Literatur

Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi merupakan salah satu aspek teras dalam pembentukan graduan holistik dan berdaya saing, khususnya dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia. Dalam era globalisasi dan digitalisasi yang pesat, keupayaan pelajar untuk berkomunikasi secara efektif menjadi antara faktor utama yang menentukan kebolehpasaran dan kemenjadian mereka di pasaran kerja (Moo & Da Wan, 2023). Kemahiran komunikasi bukan sekadar kebolehan bertutur dan menulis dalam pelbagai bahasa, tetapi turut melibatkan kemampuan memahami makna tersirat, menyesuaikan gaya komunikasi mengikut konteks profesional, serta menyampaikan maklumat secara kritikal dan beretika. Menurut kajian Moo dan Da Wan (2023), isu kebolehpasaran graduan di Malaysia banyak berpunca daripada kelemahan komunikasi lisan dan penulisan profesional, walaupun graduan memiliki kelayakan akademik yang baik. Hal ini menunjukkan bahawa komunikasi kini bukan lagi kemahiran tambahan, tetapi satu keperluan asas untuk memastikan graduan mampu bersaing dalam ekonomi berasaskan ilmu dan teknologi.

Kajian Ong, Ting, Chuah dan Jerome (2022) turut menegaskan wujudnya jurang persepsi antara pelajar, pensyarah dan majikan mengenai tahap kemahiran komunikasi yang diperlukan di tempat kerja. Majikan menekankan kepentingan komunikasi dua hala yang jelas, yakin, dan profesional, terutama dalam Bahasa Inggeris, manakala pelajar sering menilai diri mereka sebagai memiliki tahap kemahiran yang mencukupi. Ketidakpadanan ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan tinggi masih perlu memperkukuh latihan komunikasi autentik dan berorientasikan industri. Justeru, kemahiran komunikasi perlu diasah bukan sahaja melalui pembelajaran teori dalam bilik kuliah, tetapi juga melalui simulasi dunia sebenar seperti pembentangan profesional, perbincangan korporat, dan aktiviti role-play yang meniru konteks pekerjaan sebenar.

Kajian Rangunathan (2023) pula menekankan bahawa kekurangan komponen pembelajaran berasaskan kerja (Work-Integrated Learning, WIL) dalam kebanyakan program universiti di Malaysia menyebabkan pelajar tidak mendapat pendedahan mencukupi terhadap amalan komunikasi sebenar di tempat kerja. Dalam model WIL, pelajar bukan sahaja belajar kemahiran komunikasi teknikal seperti penulisan laporan atau e-mel rasmi, tetapi juga kemahiran sosial seperti komunikasi antara budaya, penyelesaian konflik, dan etika komunikasi korporat. Oleh itu, integrasi latihan industri dan aktiviti keusahawanan dalam kurikulum bahasa boleh menjadi landasan berkesan untuk membina kecekapan komunikasi

pelajar yang lebih menyeluruh.

Dari perspektif teori, Teori Sosiobudaya Vygotsky (1978) memberikan asas penting untuk memahami bagaimana kemahiran komunikasi berkembang melalui interaksi sosial dan proses kolaboratif. Vygotsky memperkenalkan konsep Zone of Proximal Development (ZPD), iaitu ruang di mana pelajar dapat menguasai kemahiran baharu dengan bantuan individu yang lebih berpengalaman melalui proses scaffolding. Dalam konteks pengajaran bahasa, pendekatan ini bermaksud pelajar membina kemahiran komunikasi bukan secara pasif melalui hafalan tatabahasa, tetapi melalui dialog, pembetulan berterusan, dan penyertaan aktif dalam komuniti bahasa. Shadiev dan Wang (2022) menyokong pandangan ini dengan menyatakan bahawa integrasi teknologi dalam pembelajaran bahasa dapat memperkukuh interaksi sosial dan menyediakan ruang pembelajaran yang lebih kolaboratif, di mana pelajar boleh berkomunikasi secara real-time melalui platform digital dan aplikasi interaktif.

Dalam konteks pelbagai bahasa di Malaysia, kajian menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi pelbagai bahasa (multilingual communication competence) memberi nilai tambah yang signifikan kepada graduan. Ibrahim dan Yusri (2023) menjelaskan bahawa penguasaan pelbagai bahasa seperti Bahasa Inggeris, Mandarin, dan Arab bukan sekadar meningkatkan peluang kerjaya, tetapi juga memperkukuh kemahiran sosial, kebolehan berunding, serta keupayaan menyesuaikan diri dalam persekitaran kerja antarabangsa. Dalam konteks yang sama, Jawing dan Kamlun (2022) mendapati bahawa graduan sains sosial yang mempunyai kecekapan tinggi dalam Bahasa Inggeris lebih mudah menyesuaikan diri dengan budaya korporat, sekaligus menunjukkan korelasi positif antara kemahiran komunikasi dan tahap keyakinan diri dalam persekitaran profesional.

Bagi pelajar antarabangsa dan pelajar bahasa Arab, kemahiran komunikasi sering dipengaruhi oleh faktor afektif seperti kebimbangan dan pengalaman pembelajaran terdahulu. Halali et al. (2023) melaporkan bahawa pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi Malaysia sering mengalami kebimbangan komunikasi (communication anxiety) yang tinggi apabila berinteraksi dalam bahasa asing, khususnya bahasa Arab, yang menghalang keupayaan mereka untuk berkomunikasi dengan yakin. Sehubungan itu, Daif-Allah dan Al-Sultan (2023) menunjukkan bahawa aktiviti role-play dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran berdialog melalui simulasi komunikasi sebenar. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip scaffolding dalam teori Vygotsky, yang menekankan pembelajaran berasaskan interaksi sebagai pemangkin kepada perkembangan kemahiran bahasa.

Kajian binti Hassan, Razak, binti Halili dan bin Kamsin (2023) turut mendapati bahawa pelajar prauniversiti di Malaysia menghadapi cabaran komunikasi yang berpunca daripada kurangnya latihan praktikal dan peluang untuk berinteraksi dalam persekitaran autentik. Hal ini menjejaskan keyakinan diri dan kemahiran bertutur pelajar, terutamanya dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, aktiviti kolaboratif seperti forum perbincangan, persembahan awam, dan pembelajaran berasaskan projek disarankan sebagai kaedah berkesan untuk memperkukuh kemahiran komunikasi. Tambahan pula, Wan dan Ai (2023) menunjukkan bahawa pendekatan integrasi seni dan budaya dalam pembelajaran bahasa membantu meningkatkan kemahiran komunikasi antara budaya, sejajar dengan keperluan pendidikan pelbagai etnik di Malaysia.

Akhirnya, kemahiran komunikasi perlu dilihat sebagai satu komponen menyeluruh yang melibatkan kecekapan linguistik, sosial, digital dan emosi. Pelajar bukan sahaja perlu mahir dalam menyampaikan maklumat, tetapi juga memahami nuansa budaya, emosi dan nilai dalam komunikasi profesional. Justeru, pendekatan pedagogi masa kini perlu menggabungkan

elemen teori sosiobudaya dengan inovasi teknologi agar komunikasi pelajar dapat berkembang secara holistik. Keupayaan pelajar berinteraksi secara berkesan dalam pelbagai konteks bukan sahaja menentukan kebolehpasaran mereka, tetapi juga mencerminkan tahap kemenjadian dan keutuhan peribadi dalam menghadapi cabaran dunia global.

Kemenjadian pelajar

Kemenjadian pelajar telah dikenal pasti sebagai indikator utama keberkesanan sistem pendidikan tinggi kerana ia menjadi kayu ukur terhadap kemampuan institusi melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang secara akademik, tetapi juga bersedia menghadapi cabaran dinamik dunia sebenar. Dalam konteks pendidikan bahasa Arab, kemenjadian pelajar melangkaui pencapaian akademik semata-mata, sebaliknya turut merangkumi pembangunan kompetensi insaniah, kecekapan komunikasi antara budaya, kebolehan menyesuaikan diri dalam persekitaran global, serta kesediaan untuk memasuki pasaran kerja yang semakin kompetitif (Tight, 2021). Ini sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menuntut pembentukan graduan holistik, seimbang dalam aspek intelek, emosi, sosial, dan etika.

Model kemenjadian pelajar yang dikemukakan oleh York et al. (2015) menyediakan kerangka komprehensif merangkumi enam dimensi utama: pencapaian akademik, kepuasan pelajar, pemerolehan kompetensi, ketekunan dalam pengajian, pencapaian pasca-kolej, dan sumbangan kepada masyarakat sebagai warga global. Walau bagaimanapun, model ini memerlukan pelaksanaan kurikulum yang menggabungkan pembelajaran akademik dan pengalaman praktikal untuk benar-benar menghasilkan kemenjadian holistik. Felten et al. (2021) menegaskan bahawa pengalaman transformatif seperti pembelajaran rentas budaya dan projek komuniti berperanan penting dalam membentuk identiti pelajar, meningkatkan daya tahan, dan memupuk ciri kepimpinan unsur yang kadang kala kurang diberi penekanan dalam program tradisional.

Faktor penglibatan pelajar telah dikenal pasti sebagai antara penyumbang terbesar kepada kemenjadian. Teori penglibatan oleh Astin (1984), yang diperkukuh oleh kajian kontemporari (Kuh et al., 2020), menekankan bahawa pelajar yang terlibat secara aktif dalam aktiviti akademik dan kokurikulum menunjukkan perkembangan kognitif, sosial dan emosi yang lebih seimbang. Namun begitu, cabaran masih wujud dalam memastikan setiap pelajar dapat terlibat secara aktif, terutama bagi mereka yang kurang sumber atau akses kepada peluang sebegini. Tinto (1993) turut menekankan pentingnya integrasi akademik dan sosial sebagai faktor yang dapat meningkatkan motivasi, rasa kepunyaan, dan mengurangkan kadar keciciran.

Kajian longitudinal Pascarella dan Terenzini (2005) mengesahkan bahawa interaksi pelajar dengan pensyarah dan rakan sebaya, serta keterlibatan dalam kehidupan kampus, memberi impak mendalam kepada perkembangan jangka panjang. Namun, dalam landskap pendidikan pasca-pandemik, kajian Al-Abdullatif dan Alsubaie (2022) mencatatkan bahawa penggunaan platform digital telah memberi ruang kepada pembelajaran yang lebih fleksibel, tetapi pada masa yang sama mewujudkan jurang dari segi interaksi lisan dan penglibatan aktif. Justeru, inovasi dalam pendekatan pedagogi diperlukan untuk memastikan kemenjadian pelajar kekal relevan dalam era pembelajaran digital.

Perbincangan tentang kemenjadian pelajar hari ini tidak dapat dipisahkan daripada kemahiran abad ke-21 yang semakin penting dalam membentuk graduan yang berdaya saing. Tight (2021) menyatakan bahawa konsep kemahiran abad ke-21 merangkumi bukan sahaja literasi digital dan teknologi, tetapi juga kreativiti, pemikiran kritis, komunikasi berkesan,

serta keusahawanan. Dalam konteks ekonomi gig yang berkembang pesat, Onyango (2022) menegaskan bahawa motivasi keusahawanan, kebolehan mengurus cabaran, serta fleksibiliti adalah faktor kejayaan kritikal yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan untuk menyediakan pelajar bagi menghadapi realiti dunia pekerjaan baharu.

Dalam bidang pengajian bahasa Arab, literatur menunjukkan bahawa kemenjadian pelajar harus dinilai secara lebih luas dan holistik. Kamaldin dan Bakar (2023) dalam kajian mengenai kebolehpasaran graduan mendapati bahawa penguasaan bahasa sahaja tidak memadai, graduan perlu mempunyai keupayaan untuk mengaplikasikan bahasa Arab dalam konteks profesional dan akademik serta memiliki kecekapan budaya yang tinggi untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dalam persekitaran global. Ini menunjukkan perlunya kurikulum yang merentas disiplin dan menyepadukan elemen budaya serta komunikasi antara budaya dalam pengajaran bahasa Arab.

Pendekatan pedagogi inovatif seperti pembelajaran berasaskan permainan digital telah diiktiraf sebagai strategi yang berkesan dalam menyokong kemenjadian pelajar. Ghani dan Daud (2023) mendapati bahawa pembelajaran berasaskan permainan bukan sahaja meningkatkan penglibatan pelajar, tetapi juga memperkukuh kemahiran komunikasi lisan dan memupuk keyakinan diri. Penemuan ini konsisten dengan teori pemerolehan bahasa kedua yang menekankan kepentingan persekitaran pembelajaran yang interaktif dan autentik untuk penguasaan bahasa yang berkesan.

Penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa Arab terus menjadi tema penting dalam literatur. Kajian Al-Abdullatif dan Alsubaie (2022) mengenai pembelajaran menggunakan platform mudah alih menunjukkan bahawa teknologi mampu meningkatkan fleksibiliti dan akses pembelajaran, tetapi memerlukan sokongan dari aspek latihan literasi digital untuk memaksimumkan keberkesanannya. Hal ini menekankan bahawa teknologi hanya akan memberi nilai tambah sekiranya ia dirancang dengan teliti dalam strategi pengajaran dan pembelajaran.

Akhirnya, literatur menyarankan bahawa kemenjadian pelajar bahasa Arab dapat diperkukuh melalui pendekatan bersepadu yang menggabungkan pembelajaran berasaskan projek, pengalaman rentas budaya, serta kerjasama universiti-industri (Patrício et al., 2024). Langkah ini bukan sahaja memperkukuh aplikasi teori dalam konteks sebenar, tetapi juga membantu pelajar mengembangkan kompetensi yang diperlukan untuk menghadapi cabaran kerjaya dan kehidupan.

Secara keseluruhan, sorotan literatur ini menggambarkan bahawa kemenjadian pelajar dalam konteks bahasa Arab menuntut pendekatan pendidikan yang komprehensif, kritikal dan berstruktur. Ia harus merangkumi aspek teori, praktikal, teknologi, dan nilai insaniah, selain menekankan pentingnya penilaian berterusan terhadap keberkesanan strategi pengajaran untuk memastikan hasil pembelajaran yang holistik dan lestari.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan bagi mengkaji tahap kemahiran komunikasi bahasa Arab dan tahap kemenjadian pelajar bahasa Arab, serta meneliti hubungan antara kedua-dua konstruk tersebut dalam kalangan pelajar di universiti awam Pantai Timur. Pemilihan pendekatan kuantitatif adalah selaras dengan objektif kajian yang menekankan pengukuran dan analisis data secara sistematik untuk menghasilkan dapatan empirikal yang boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar.

Hubungan Kemahiran Komunikasi dengan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab di Universiti Awam Pantai Timur

Reka bentuk tinjauan dipilih kerana berupaya mengumpul data daripada sampel yang besar dan memberikan gambaran menyeluruh tentang fenomena yang dikaji. Menurut Zulkifli dan Ahmad (2024), reka bentuk tinjauan amat sesuai bagi kajian yang bertujuan mengukur tahap kemahiran serta persepsi pelajar dalam konteks pendidikan tinggi. Melalui reka bentuk ini, data kuantitatif dapat dianalisis secara statistik untuk mengenal pasti pola tahap dan kekuatan hubungan antara kemahiran komunikasi bahasa Arab dengan kemenjadian pelajar.

Dari segi populasi dan persampelan, kajian ini melibatkanseramai 293 orang pelajar bahasa Arab yang dipilih daripada dua universiti awam Pantai Timur, iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Pemilihan sampel dilakukan menggunakan persampelan rawak berstrata, iaitu pelajar dipilih berdasarkan tahun pengajian dan program pengkhususan bagi memastikan representasi yang seimbang. Saiz sampel ditentukan menggunakan formula Krejcie dan Morgan (1970) dengan mengambil kira jumlah populasi pelajar bahasa Arab di kedua-dua universiti, pada tahap keyakinan 95% dan margin ralat $\pm 5\%$.

Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang melalui proses pengesahan yang rapi. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian utama: Bahagian A (demografik), Bahagian B (kemahiran komunikasi bahasa Arab), dan Bahagian C (kemenjadian pelajar).

Kesahan kandungan instrumen ditentukan melalui penilaian panel pakar yang terdiri daripada lima (5) orang pakar akademik. Kebolehpercayaan instrumen pula diuji melalui kajian rintis melibatkan 30 orang pelajar, dengan nilai *alpha Cronbach* melebihi 0.80 bagi semua konstruk, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Proses pengumpulan data dilaksanakan melalui dua kaedah, iaitu dalam talian dan bersemuka. Kaedah dalam talian menggunakan platform *Google Forms*, manakala kaedah bersemuka melibatkan pengedaran borang soal selidik bercetak semasa sesi kuliah. Penggunaan kedua-dua kaedah ini bertujuan memaksimumkan kadar maklum balas dan memastikan variasi responden yang mencukupi.

Bagi analisis data, kajian ini menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk menentukan tahap kemahiran komunikasi bahasa Arab dan tahap kemenjadian pelajar melalui pengiraan min dan sisihan piawai. Interpretasi min dibuat berdasarkan skala yang diadaptasi daripada Nunnally dan Bernstein (1994), iaitu skor min 1.00–2.00 (rendah), 2.01–3.00 (sederhana rendah), 3.01–4.00 (sederhana tinggi), dan 4.01–5.00 (tinggi). Sisihan piawai pula digunakan untuk menilai tahap serakan data serta ketekalan respons.

Data kajian dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics* versi 26. Proses analisis melibatkan: (i) pemeriksaan dan pembersihan data bagi mengesan nilai hilang atau tidak lengkap, (ii) analisis deskriptif untuk menentukan tahap setiap konstruk, dan (iii) analisis inferensi seperti korelasi untuk menguji hubungan antara kemahiran komunikasi bahasa Arab dengan kemenjadian pelajar. Prosedur pembersihan data yang teliti dilaksanakan bagi memastikan ketepatan serta kebolehpercayaan dapatan kajian.

Dapatan Kajian

Jadual 1: Maklumat Demografi

	Item	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	88	30
	Perempuan	205	70
Umur	18-20 tahun	75	25.6
	21-23 tahun	193	65.9
	24-26 tahun	23	7.8
	27 tahun ke atas	2	0.7
Tahun pengajian	Tahun pertama	73	24.9
	Tahun kedua	73	24.9
	Tahun ketiga	43	14.7
	Tahun keempat	104	35.5
Nama Universiti Awam	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	102	34.8
	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	191	65.2

Analisis profil demografi responden bagi kajian ini memberikan gambaran tentang ciri-ciri sampel pelajar yang terlibat dalam menilai hubungan kemahiran komunikasi bahasa Arab dengan kemenjadian pelajar bahasa Arab di universiti awam Pantai Timur. Data demografi yang dihimpunkan merangkumi aspek utama seperti **jantina, umur, tahun pengajian dan institusi pengajian, bagi membantu menjelaskan latar responden yang menjadi asas kepada interpretasi dapatan kajian.

Dapatan menunjukkan taburan jantina responden adalah tidak seimbang, apabila pelajar perempuan membentuk majoriti iaitu 70% (205 orang), manakala pelajar lelaki mewakili 30% (88 orang). Dari segi umur, majoriti responden berada dalam lingkungan 21–23 tahun iaitu 65.9% (193 orang)**, diikuti oleh kumpulan umur 18–20 tahun sebanyak 25.6% (75 orang). Corak ini menggambarkan profil tipikal pelajar program ijazah sarjana muda dalam bidang bahasa di universiti awam.

Kajian ini melibatkan pelajar dari dua universiti awam Pantai Timur, iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). UniSZA menyumbang 65.2% (191 orang) responden, manakala UMK menyumbang 34.8% (102 orang). Taburan ini menunjukkan keterwakilan responden yang memadai untuk menggambarkan konteks pengajian bahasa Arab di universiti awam wilayah Pantai Timur.

Dari segi tahun pengajian, taburan responden adalah sederhana seimbang antara pelajar tahun pertama dan tahun kedua (masing-masing 24.9% iaitu 73 orang). Pelajar tahun keempat membentuk kumpulan terbesar iaitu 35.5% (104 orang), manakala pelajar tahun

***Hubungan Kemahiran Komunikasi dengan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab
di Universiti Awam Pantai Timur***

ketiga merupakan kumpulan terkecil iaitu 14.7% (43 orang). Kepelbagaian tahun pengajian ini penting kerana kemahiran komunikasi bahasa Arab dan tahap kemenjadian pelajar berpotensi berkembang mengikut pengalaman pembelajaran dan pendedahan akademik yang berbeza.

Secara keseluruhan, profil demografi dan latar pembelajaran responden ini menyediakan konteks yang jelas untuk menilai dapatan kajian, khususnya dalam memahami bagaimana variasi latar pelajar boleh berkait dengan tahap kemahiran komunikasi bahasa Arab dan seterusnya mempengaruhi kemenjadian pelajar bahasa Arab di universiti awam Pantai Timur.

Jadual 2: Kemahiran Komunikasi

Pernyataan	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya boleh membaca teks dalam bahasa Arab dengan baik	293	3.70	.901	Tinggi
Saya boleh menulis dalam bahasa Arab	293	3.69	.923	Tinggi
Saya boleh bertutur dalam bahasa Arab	293	3.42	.909	Tinggi
Saya faham makna perkataan dan ayat dalam berbahasa Arab	293	3.50	.882	Tinggi
Saya mampu menterjemah teks dari bahasa Arab ke bahasa Melayu/Inggeris	293	3.37	.824	Tinggi
Saya mempunyai kefahaman tatabahasa bahasa Arab dengan baik	293	3.46	.804	Tinggi
Saya boleh mengarang esei dalam bahasa Arab dengan baik	293	3.37	.845	Tinggi
Saya berupaya mengajar orang lain berbahasa Arab	293	3.41	.877	Tinggi
Saya memahami perbualan dalam bahasa Arab	293	3.44	.840	Tinggi
Saya dapat menonton atau mendengar berita dalam bahasa Arab dengan baik	293	3.32	.883	Tinggi
Saya boleh menulis surat rasmi dalam bahasa Arab	293	3.12	.902	Tinggi
Saya memahami dialek-dialek berbeza dalam bahasa Arab	293	2.87	.940	Tinggi
Saya boleh membaca Al-Quran dengan kefahaman yang baik	293	3.68	.954	Tinggi
Saya mampu membuat persembahan dalam bahasa Arab dengan baik	293	3.05	.909	Tinggi
Saya boleh memahami bahan bacaan akademik dalam bahasa Arab dengan baik	293	3.21	.937	Tinggi

Saya suka menggunakan bahasa Arab dalam urusan perniagaan	293	3.46	.838	Tinggi
Saya boleh menulis laporan dalam bahasa Arab dengan baik	293	2.90	.958	Tinggi
Saya memahami budaya dan adat resam masyarakat Arab	293	3.10	.918	Tinggi
Saya mampu mengikuti kursus atau kelas dalam bahasa Arab dengan baik	293	3.21	.962	Tinggi

Analisis tahap kemahiran bahasa Arab dalam kalangan 293 responden menunjukkan penguasaan yang memberangsangkan, khususnya dalam aspek literasi yang menyokong pembinaan kemahiran komunikasi dan seterusnya potensi kemenjadian pelajar. Kemahiran membaca mencatatkan min tertinggi ($M = 3.70$, $SP = 0.901$), diikuti kemahiran menulis ($M = 3.69$, $SP = 0.923$) dan pembacaan al-Quran dengan kefahaman ($M = 3.68$, $SP = 0.954$). Dapatan ini selari dengan kajian Rosni et al. (2023) yang melaporkan bahawa kemahiran membaca dan menulis merupakan aspek yang paling dikuasai oleh pelajar bahasa Arab di universiti awam Malaysia (min 3.65 dan 3.63). Menurut Azman dan Ismail (2023), pencapaian tinggi dalam kemahiran literasi ini menggambarkan keberkesanan pendekatan pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti yang menyumbang kepada pengukuhan penguasaan bahasa secara asas dan fungsional.

Dalam konteks kemahiran komunikasi bahasa Arab, responden menunjukkan tahap yang baik dalam memahami makna perkataan dan ayat ($M = 3.50$, $SP = 0.882$), pemahaman tatabahasa ($M = 3.46$, $SP = 0.804$) serta penggunaan bahasa Arab dalam urusan perniagaan ($M = 3.46$, $SP = 0.838$). Dapatan ini menyokong penemuan Hassan dan Ahmad (2023) yang melaporkan tahap pemahaman tatabahasa yang tinggi dalam kalangan pelajar universiti awam ($M = 3.48$). Selain itu, kajian Muhammad et al. (2023) turut menjelaskan bahawa kefahaman tatabahasa yang mantap berperanan meningkatkan keupayaan komunikasi, termasuk pemahaman perbualan yang mencatatkan min 3.44 ($SP = 0.840$). Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa komponen asas komunikasi (pemahaman makna dan struktur) berada pada tahap yang memadai untuk menyokong aktiviti pembelajaran serta interaksi akademik pelajar.

Walau bagaimanapun, kajian turut mengenal pasti beberapa kelemahan yang boleh mengekang pengukuhan komunikasi dalam situasi autentik dan profesional. Pemahaman dialek-dialek berbeza mencatatkan min terendah ($M = 2.87$, $SP = 0.940$), diikuti kemahiran menulis laporan ($M = 2.90$, $SP = 0.958$) dan kemahiran membuat persembahan ($M = 3.05$, $SP = 0.909$). Corak ini konsisten dengan kajian Najib et al. (2023) yang melaporkan kesukaran pelajar dalam memahami dialek Arab ($M = 2.85$) dan menulis laporan formal ($M = 2.92$). Zainuddin dan Rahman (2023) menegaskan bahawa cabaran tersebut berkait dengan kurangnya pendedahan kepada penggunaan bahasa Arab dalam konteks praktikal dan profesional, sekali gus memberi implikasi terhadap keterampilan komunikasi yang menjadi salah satu elemen penting dalam pembentukan kemenjadian pelajar.

Dari segi penguasaan bahasa Arab untuk tujuan akademik, dapatan menunjukkan tahap sederhana bagi pemahaman bahan bacaan akademik ($M = 3.21$, $SP = 0.937$) dan keupayaan mengikuti kursus dalam bahasa Arab ($M = 3.21$, $SP = 0.962$). Penemuan ini sejajar dengan kajian Nik Mohd Rahimi et al. (2023) yang menegaskan pelajar memerlukan sokongan

***Hubungan Kemahiran Komunikasi dengan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab
di Universiti Awam Pantai Timur***

tambahan untuk menguasai bahasa Arab dalam konteks akademik. Selaras dengan itu, Abdul Razak et al. (2023) mencadangkan penambahbaikan program pembelajaran bahasa Arab perlu menyeimbangkan penekanan antara kemahiran akademik dan kemahiran praktikal agar pembelajaran lebih relevan dan berkesan, khususnya bagi memperkukuh kemahiran komunikasi yang akhirnya menyumbang kepada kemenjadian pelajar.

Jadual 3: Kemenjadian Pelajar

Pernyataan	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya boleh berpuas hati dengan pencapaian akademik saya dalam bidang pengajian baha Arab	293	3.30	.927	Tinggi
Saya yakin dengan kemahiran berbahasa Arab saya untuk menghadapi cabaran kerjaya masa depan	293	3.38	.869	Tinggi
Saya bersedia untuk menggunakan bahasa Arab dalam konteks profesional	293	3.25	.974	Tinggi
Saya mempunyai pemikiran kritis dan kemahiran analitis dalam bahasa Arab	293	3.43	.929	Tinggi
Saya mempunyai kemahiran interpersonal yang baik dalam bahasa Arab	293	3.29	.911	Tinggi
Saya yakin dengan keupayaan saya untuk memulakan perniagaan sendiri menggunakan kemahiran bahasa Arab	293	3.59	.988	Tinggi
Saya bersedia untuk bekerja dalam persekitaran antarabangsa yang melibatkan penggunaan bahasa Arab	293	3.42	.883	Tinggi
Saya membangunkan rangkaian profesional yang berkaitan dengan dunia Arab melalui pengajian saya	293	3.66	.943	Tinggi
Saya yakin bahawa kemahiran berbahasa Arab dan keusahawanan saya akan memberi kelebihan dalam pasaran kerja	293	3.66	.999	Tinggi
Saya membangunkan kemahiran penyelesaian masalah yang boleh diaplikasi dalam pelbagai konteks	293	3.40	.922	Tinggi
Pengajian bahasa Arab telah meningkatkan keyakinan diri saya secara keseluruhan	293	3.29	.959	Tinggi

Saya bersedia untuk meneruskan pengajian lanjutan dalam bidang yang berkaitan dengan bahasa Arab	293	3.18	.955	Tinggi
Saya membangunkan kemahiran pengurusan masa dan organisasi yang baik dalam bahasa Arab	293	3.25	.892	Tinggi
Saya berupaya menyusun strategi pemasaran untuk produk atau perkhidmatan dalam pasaran bahasa Arab	293	3.13	.891	Tinggi
Saya mampu menghasilkan laporan perniagaan dalam bahasa Arab	293	3.15	.888	Tinggi
Saya memahami konsep keusahawanan dalam bahasa Arab	293	3.74	.973	Tinggi
Saya boleh menulis rencana atau artikel berkaitan keusahawanan dalam bahasa Arab	293			Tinggi

Analisis konstruk kemenjadian pelajar bagi 293 responden menunjukkan bahawa secara umum pelajar menilai diri mereka pada tahap tinggi dalam pelbagai dimensi kemenjadian yang berkaitan dengan pengajian bahasa Arab. Berdasarkan 16 item yang mempunyai nilai min, purata keseluruhan min adalah 3.38, dengan julat min antara 3.13 hingga 3.74. Ini menggambarkan persepsi kemenjadian yang positif dan konsisten merentas aspek akademik, kerjaya, kemahiran insaniah, serta kesiapsiagaan profesional.

Dari segi item yang paling menonjol, responden mencatatkan min tertinggi bagi “Saya memahami konsep keusahawanan dalam bahasa Arab” ($M = 3.74$, $SP = 0.973$). Seterusnya, dua item berkaitan nilai pasaran dan jaringan profesional turut berada pada tahap tinggi iaitu “Saya membangunkan rangkaian profesional yang berkaitan dengan dunia Arab melalui pengajian saya” ($M = 3.66$, $SP = 0.943$) dan “Saya yakin bahawa kemahiran berbahasa Arab dan keusahawanan saya akan memberi kelebihan dalam pasaran kerja” ($M = 3.66$, $SP = 0.999$). Corak ini menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja memahami elemen keusahawanan, malah melihat pengajian bahasa Arab sebagai aset strategik untuk membina networking dan meningkatkan kelebihan kompetitif dalam pasaran kerja.

Selain itu, tahap kesiapsiagaan kerjaya dan pembangunan kognitif juga berada pada tahap tinggi. Item seperti “Saya mempunyai pemikiran kritis dan kemahiran analitis dalam bahasa Arab” ($M = 3.43$, $SP = 0.929$), “Saya bersedia untuk bekerja dalam persekitaran antarabangsa yang melibatkan penggunaan bahasa Arab” ($M = 3.42$, $SP = 0.883$) dan “Saya membangunkan kemahiran penyelesaian masalah yang boleh diaplikasi dalam pelbagai konteks” ($M = 3.40$, $SP = 0.922$) mencerminkan pengukuhan kompetensi abad ke-21 yang relevan dengan kemenjadian pelajar. Item keyakinan kerjaya juga positif, iaitu “Saya yakin dengan kemahiran berbahasa Arab saya untuk menghadapi cabaran kerjaya masa depan” ($M = 3.38$, $SP = 0.869$).

Walau bagaimanapun, beberapa item mencatatkan min yang lebih rendah (namun

***Hubungan Kemahiran Komunikasi dengan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab
di Universiti Awam Pantai Timur***

masih pada tahap tinggi), khususnya item yang bersifat aplikasi profesional secara teknikal. Antaranya ialah “Saya berupaya menyusun strategi pemasaran untuk produk atau perkhidmatan dalam pasaran bahasa Arab” ($M = 3.13$, $SP = 0.891$) dan “Saya mampu menghasilkan laporan perniagaan dalam bahasa Arab” ($M = 3.15$, $SP = 0.888$). Dapatan ini memberi isyarat bahawa walaupun pelajar mempunyai keyakinan dan kefahaman konsep yang baik, keupayaan menghasilkan output profesional khusus (contohnya dokumen perniagaan, strategi pemasaran) masih memerlukan pengukuhan melalui latihan amali, tugas autentik, dan pendedahan kepada penulisan serta komunikasi profesional berorientasikan industri.

Dari sudut variasi respons, nilai sisihan piawai berada pada julat 0.869 hingga 0.999, menunjukkan serakan respons yang sederhana. Ini bermaksud tahap kemenjadian yang dilaporkan adalah cenderung konsisten, namun masih terdapat perbezaan individu dalam keyakinan dan kesiapsiagaan pelajar terutamanya dalam aspek yang memerlukan aplikasi profesional yang lebih spesifik.

Jadual 4: hubungan antara kemahiran komunikasi terhadap kemenjadian pelajar bahasa Arab di universiti awam pantai timur.

Analisis	Komunikasi- Kemenjadian
Kolerasi (r)	0.52
Pekali Penentuan (R^2)	0.303
t-statistik	10.44
Nilai-p	<0.001
Kecerunan	0.615
Regesi	
Kekuatan	Sederhana
Hubungan	

Jadual 4. menerangkan dapatan hubungan antara pemboleh ubah utama kajian, khususnya hubungan antara Kemahiran Komunikasi Bahasa Arab dan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab di universiti awam Pantai Timur. Dapatan menunjukkan wujud hubungan yang positif dan sederhana antara kedua-dua konstruk tersebut dengan nilai korelasi $r = 0.52$. Hubungan ini adalah signifikan secara statistik dengan nilai t-statistik = 10.44 dan nilai-p < 0.001, sekali gus mengesahkan bahawa peningkatan kemahiran komunikasi bahasa Arab berkait secara bermakna dengan peningkatan kemenjadian pelajar.

Berdasarkan analisis regresi, pekali penentuan (R^2) = 0.303 menunjukkan bahawa kira-kira 30.3% varians dalam kemenjadian pelajar dapat dijelaskan oleh kemahiran komunikasi

bahasa Arab. Ini bermaksud, kemahiran komunikasi merupakan antara faktor peramal yang signifikan terhadap pembentukan kemenjadian pelajar, walaupun masih terdapat faktor lain di luar model yang turut mempengaruhi kemenjadian. Nilai kecerunan regresi ($\beta = 0.615$) pula menunjukkan bahawa bagi setiap satu unit peningkatan dalam kemahiran komunikasi bahasa Arab, skor kemenjadian pelajar meningkat sebanyak 0.615 unit. Dapatan ini memperkukuh andaian bahawa penguasaan komunikasi bahasa Arab yang lebih baik berpotensi menyumbang kepada perkembangan pelajar secara lebih holistik, termasuk keyakinan diri, kesiapsiagaan kerjaya, kemahiran insaniah dan keterlibatan akademik.

Perbincangan

Perbincangan dapatan bagi kajian ini bermula dengan satu premis penting iaitu kemenjadian pelajar bukan konstruk tunggal yang boleh diwakili hanya oleh pencapaian akademik, tetapi suatu konstruk holistik yang mencakupi keyakinan diri, kebolehan berfungsi dalam komuniti pembelajaran, kematangan insaniah, kesiapsiagaan kerjaya, serta kemampuan menggunakan ilmu dalam konteks sebenar. Dalam konteks pengajian bahasa Arab, kemahiran komunikasi pula bukan sekadar “tahu tatabahasa” atau “hafal kosa kata”, tetapi kemampuan menggunakan bahasa untuk memahami, mengekspresikan idea, berinteraksi, dan membina makna dalam situasi sosial dan akademik yang autentik (Abd Rahman et al., 2023; Mohd Sofar, 2023; Ghani et al., 2019). Oleh itu, hubungan antara kemahiran komunikasi bahasa Arab dan kemenjadian pelajar harus ditafsir secara bernuansamenggabungkan bukti statistik, pertimbangan teori pembelajaran bahasa, dan realiti ekosistem universiti awam Pantai Timur.

Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan positif yang sederhana antara kemahiran komunikasi bahasa Arab dengan kemenjadian pelajar ($r = 0.52$) serta signifikan secara statistik ($t = 10.44$, $p < 0.001$). Secara interpretif, nilai korelasi ini menunjukkan bahawa pelajar yang melaporkan tahap kemahiran komunikasi bahasa Arab yang lebih tinggi cenderung melaporkan tahap kemenjadian yang lebih tinggi. Ini bukan sahaja konsisten dengan logik pendidikan bahasa, bahkan sejajar dengan penemuan bahawa kemahiran komunikasi merupakan antara teras soft skills yang berkait rapat dengan kebolehpasaran, identiti graduan, dan keberfungsian dalam pasaran kerja (Basir, 2022; Ting et al., 2020; Succi & Canovi, 2020).

Pekali penentuan $R^2 = 0.303$ pula membawa implikasi yang lebih spesifik: kira-kira 30.3% variasi dalam kemenjadian pelajar boleh dijelaskan oleh kemahiran komunikasi bahasa Arab. Dalam bahasa yang lebih mudah, komunikasi bahasa Arab merupakan peramal yang penting tetapi bukan satu-satunya. Masih terdapat 69.7% variasi kemenjadian yang berpunca daripada faktor lain yang tidak dimasukkan ke dalam model analisis ini. Hal ini menguatkan hujah bahawa kemenjadian pelajar dibentuk oleh “ekologi pembelajaran” yang lebih luas seperti keterlibatan pelajar (engagement), pengalaman pembelajaran yang bermakna, sokongan sosial, persekitaran bahasa (bi’ah lughawiyyah), dan peluang aplikasi dunia sebenar (Kahu & Nelson, 2018; Che Mohd Zaid, 2018; Herrington et al., 2010). Justeru, dapatan ini perlu dibaca sebagai bukti kuat bahawa komunikasi bahasa Arab menyumbang secara signifikan, namun perbincangan yang baik mesti turut meneliti faktor lain yang mungkin menjadi perantara (mediator) atau penyederhana (moderator) kepada hubungan tersebut.

Nilai kecerunan regresi ($\beta = 0.615$) menambah dimensi praktikal kepada dapatan: bagi setiap peningkatan satu unit kemahiran komunikasi bahasa Arab, skor kemenjadian pelajar dijangka meningkat sebanyak 0.615 unit. Ini mencadangkan bahawa pengukuhan kemahiran komunikasi jika dilaksanakan secara sistematik melalui kurikulum dan pedagogi berpotensi menghasilkan peningkatan yang bermakna terhadap hasil kemenjadian pelajar. Namun begitu,

kecerunan ini tidak wajar difahami sebagai bukti sebab-akibat yang muktamad kerana reka bentuk kajian keratan rentas tidak membenarkan inferens kausal yang kukuh (Creswell & Creswell, 2018). Ia lebih tepat ditafsir sebagai “hubungan ramalan” dalam konteks statistik, iaitu komunikasi berkait dan meramal kemenjadian, tetapi tidak semestinya menjadi punca tunggal yang menghasilkan kemenjadian.

Terdapat beberapa mekanisme teoritikal yang dapat menjelaskan mengapa kemahiran komunikasi bahasa Arab mempunyai hubungan sederhana dengan kemenjadian pelajar. Pertama, dari perspektif Teori Sosiobudaya, bahasa berkembang melalui interaksi sosial dan pembinaan makna secara kolaboratif. Dalam kerangka Vygotsky, pembelajaran adalah proses sosial yang dimediasi oleh bahasa, alat budaya, dan interaksi; justeru, semakin tinggi keupayaan komunikasi, semakin mudah pelajar menyertai amalan komuniti pembelajaran, mempamerkan agensi, dan membina identiti sebagai pengguna bahasa (Vygotsky, 1978; Lantolf & Thorne, 2006). Dalam konteks universiti, pelajar yang lebih mampu berkomunikasi akan lebih cenderung menyertai perbincangan kelas, bertanya soalan, membina jaringan rakan belajar, dan mengakses sokongan pensyarah yang semuanya menyumbang kepada kemenjadian melalui peningkatan keterlibatan dan pengalaman pembelajaran yang berkualiti (Kahu & Nelson, 2018; Wenger, 1998). Kedua, kemahiran komunikasi berkait rapat dengan efikasi sendiri (self-efficacy). Teori Kognitif Sosial menekankan bahawa efikasi sendiri mempengaruhi motivasi, ketekunan, strategi pembelajaran, dan keupayaan menghadapi cabaran. Pelajar yang merasa “boleh berkomunikasi” dalam bahasa Arab biasanya memiliki keyakinan yang lebih tinggi untuk mencuba, melakukan pembentangan, menulis, berinteraksi, dan memikul tugas kompleks yang akhirnya meningkatkan persepsi kemenjadian mereka (Bandura, 1997; Bandura, 2001). Dalam konteks kajian ini, hubungan sederhana antara komunikasi dan kemenjadian munasabah kerana sebahagian item kemenjadian lazimnya mengukur aspek keyakinan, kesiapsiagaan profesional, dan kebolehan berfungsi semuanya sangat dipengaruhi oleh efikasi sendiri dan pengalaman kejayaan dalam komunikasi. Ketiga, dari sudut pedagogi komunikasi bahasa, penguasaan komunikasi ialah “kemahiran pemindahan” (*transferable skill*) yang dapat digunakan dalam pelbagai domain akademik, sosial, dan kerjaya. Dalam program bahasa, kemahiran komunikasi bukan sahaja tujuan pembelajaran, tetapi juga medium pembelajaran: pelajar memerlukan komunikasi untuk memproses input, menghasilkan output, menerima maklum balas, dan membina kefahaman (Swain, 2000). Oleh itu, pelajar yang memiliki kemahiran komunikasi lebih baik cenderung mendapat manfaat yang lebih tinggi daripada pengalaman pembelajaran kerana mereka mampu mengoptimalkan interaksi, kolaborasi, dan refleksi yang akhirnya meningkatkan kemenjadian mereka sebagai pelajar universiti.

Walaupun hubungan komunikasi–kemenjadian adalah sederhana dan signifikan, interpretasi yang matang mesti mengelakkan dua perangkap: (1) menganggap komunikasi sebagai punca tunggal kemenjadian, atau (2) mengecilkan peranan komunikasi kerana R^2 tidak mencapai nilai tinggi. Hakikat bahawa $R^2 = 0.303$ sebenarnya selari dengan sifat kemenjadian yang kompleks. Dalam literatur pendidikan tinggi, “*student success*” atau kejayaan pelajar bergantung pada gabungan faktor individu (motivasi, efikasi sendiri, strategi pembelajaran), faktor pedagogi (kualiti pengajaran, penilaian autentik), dan faktor struktur (sokongan institusi, peluang keterlibatan, latar sosioekonomi) (Kahu & Nelson, 2018; Clarke, 2018). Maka, adalah dijangka bahawa satu pemboleh ubah seperti komunikasi hanya menjelaskan sebahagian variasi kemenjadian. Ini tidak melemahkan kepentingan komunikasi; sebaliknya menguatkan keperluan agar program bahasa Arab merangka intervensi yang menyeluruh: memantapkan komunikasi sambil memperbaiki faktor ekosistem lain.

Dalam konteks Pantai Timur, faktor persekitaran bahasa (*bi'ah lughawiyyah*) adalah contoh pemboleh ubah penting yang berpotensi memperkukuh atau melemahkan hubungan komunikasi kemenjadian. Kajian *bi'ah lughawiyyah* menekankan bahawa elemen psikososial dan fizikal (seperti budaya penggunaan bahasa, ruang interaksi, aktiviti bahasa, sokongan komuniti) dapat mempengaruhi sikap, kepuasan, dan pencapaian pelajar bahasa Arab (Che Mohd Zaid, 2018). Jika *bi'ah lughawiyyah* kukuh, latihan komunikasi menjadi lebih bermakna dan kemenjadian meningkat; jika *bi'ah* lemah, pelajar mungkin mempelajari teori bahasa tetapi sukar memindahkan kemahiran kepada konteks hidup sebenar.

Perbincangan juga perlu membezakan antara jenis komunikasi. Dalam program bahasa Arab, komunikasi boleh meliputi kemahiran reseptif (mendengar, membaca) dan produktif (bertutur, menulis) serta komunikasi antara budaya. Setiap dimensi boleh memberi kesan berbeza terhadap kemenjadian. Komunikasi produktif khususnya bertutur dan menulissering lebih “terlihat” dalam kemenjadian kerana ia berkaitan rapat dengan keyakinan, kepimpinan akademik, dan kesiapsiagaan profesional. Pelajar yang mampu berucap, membenteng, dan menulis secara berfungsi biasanya lebih yakin untuk melibatkan diri dalam tugas universiti dan persekitaran profesional. Kajian intervensi dan pedagogi komunikasi di IPT menunjukkan pendekatan seperti main peranan (role-play) dapat meningkatkan kompetensi komunikasi pelajar dengan lebih berkesan kerana ia mensimulasikan situasi sosial sebenar (Noor Lina Mohd Yusuf et al., 2022; Yakob, 2023). Prinsip ini boleh diguna pakai dalam komunikasi bahasa Arab: bukan sekadar latihan struktur, tetapi latihan situasi (misalnya interaksi akademik, komunikasi formal, komunikasi layanan, komunikasi perbincangan).

Di samping itu, komunikasi antara budaya juga penting. Kemenjadian graduan bahasa bukan sekadar fasih, tetapi mampu berkomunikasi dengan sensitiviti budaya terutama jika sasaran ialah mobiliti global dan persekitaran antarabangsa. Kompetensi komunikasi antara budaya merupakan konstruk yang diiktiraf dalam pendidikan bahasa moden, dan ia berkait rapat dengan kebolehan graduan untuk berfungsi di luar konteks lokal (Byram, 1997). Pelajar yang memiliki asas komunikasi antara budaya lazimnya menunjukkan kematangan sosial dan keyakinan lebih tinggi ciri yang dekat dengan kemenjadian.

Walaupun tajuk kajian menumpukan kemenjadian, dimensi kebolehpasaran sering menjadi sebahagian daripada kemenjadian di universiti. Dalam literatur, kebolehpasaran tidak semata-mata “dapat kerja”, tetapi gabungan atribut, identiti, dan modal graduan yang membolehkan seseorang menavigasi pasaran buruh (Clarke, 2018; Tomlinson, 2017; Holmes, 2013). Dalam bidang bahasa, kajian tentang kebolehpasaran pelajar bahasa di Malaysia menunjukkan majikan cenderung menilai kemahiran komunikasi, adaptasi, dan keupayaan profesional sebagai teras (Ting et al., 2020). Ini menjelaskan mengapa komunikasi bahasa Arab boleh berkait dengan kemenjadian: apabila pelajar merasakan mereka mampu berkomunikasi, mereka juga merasakan mereka memiliki “modal” untuk menghadapi dunia pekerjaan, sekali gus meningkatkan skor kemenjadian yang berkaitan keyakinan kerjaya.

Kajian tentang kemahiran insaniah dan kebolehpasaran di Malaysia turut menekankan komunikasi sebagai mediator penting kepada *employability*; komunikasi bukan sekadar satu kemahiran terasing, tetapi penghubung kepada kerja berpasukan, kepimpinan, dan daya saing (Basir, 2022; Abdullah & Abd Majid, 2022). Dalam program bahasa Arab, ini bermaksud pengukuhan komunikasi harus dilihat sebagai strategi pembangunan graduan holistik—bukan hanya untuk memenuhi kehendak akademik, tetapi untuk membina identiti graduan bahasa Arab yang mampu berfungsi dan menyumbang. Dapatan hubungan sederhana yang signifikan ini memberikan implikasi yang jelas: jika universiti mahu meningkatkan kemenjadian pelajar

Hubungan Kemahiran Komunikasi dengan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab di Universiti Awam Pantai Timur

bahasa Arab, kemahiran komunikasi perlu diperkukuh secara sistematik dan bukan bersifat ad hoc. Beberapa strategi boleh diujahkan berdasarkan literatur yang ada.

Integrasi kemahiran komunikasi dalam pembelajaran bahasa Arab perlu berlaku merentas kursus bukan hanya dalam kursus kemahiran bertutur atau menulis. Ini selari dengan gagasan integrasi kemahiran komunikasi dalam pembelajaran bahasa Arab yang menuntut pendekatan menyeluruh (Abd Rahman et al., 2023). Kesan langsungnya ialah pelajar memperoleh peluang komunikasi yang konsisten, seterusnya meningkatkan keyakinan dan kemenjadian.

Pembelajaran yang autentik menekankan tugas yang menyerupai situasi dunia sebenar. Pendekatan ini membantu pelajar memindahkan kemahiran komunikasi kepada konteks fungsi dan profesional, yang akhirnya menambah nilai kepada kemenjadian. Kerangka e-pembelajaran autentik juga menggariskan perlunya konteks, kolaborasi, refleksi, dan penilaian autentik (Herrington et al., 2010; Suhaimi & Ahmad Sabri, 2023). Dari perspektif “*situated cognition*”, pembelajaran bermakna apabila berlaku dalam budaya dan situasi penggunaan sebenar, bukan sekadar latihan abstrak (Brown et al., 1989; Lave & Wenger, 1991). Dalam konteks bahasa Arab di universiti awam Pantai Timur, ini boleh diterjemah melalui aktiviti simulasi mesyuarat, temu duga, pembentangan formal, penulisan dokumen berfungsi, dan projek komunikasi komuniti.

Bi’ah lughawiyyah bukan elemen kosmetik, ia pembolehubah ekosistem yang boleh mempercepatkan pembangunan komunikasi dan kemenjadian. Jika universiti membina komuniti amalan (*communities of practice*) yang menggalakkan penggunaan bahasa Arab melalui kelab, mentor rakan sebaya, aktiviti mingguan, dan ruang interaksi, pelajar lebih mudah membina identiti sebagai pengguna Bahasa sekali gus meningkatkan kemenjadian (Che Mohd Zaid, 2018; Wenger, 1998). Dalam erti kata lain, bi’ah yang baik menjadikan komunikasi sebagai budaya, bukan tugas semata-mata.

Dalam pendidikan tinggi Malaysia, penekanan *outcome-based education* menuntut penyelarasan antara hasil pembelajaran, aktiviti pembelajaran, dan penilaian. Penilaian komunikasi perlu lebih banyak berasaskan prestasi (*performance-based*) dan portfolio, bukan hanya ujian bertulis, kerana kemenjadian berkait rapat dengan kompetensi sebenar (Spady, 1994; Chan, 2022). Kerangka penilaian portfolio juga disarankan untuk menilai perkembangan pelajar secara komprehensif dan berterusan (Al-Masri, 2022). Ini penting kerana jika komunikasi diukur secara lebih autentik, hubungan dengan kemenjadian dapat difahami dengan lebih tepat dan bebas daripada bias persepsi sendiri.

Dalam pembelajaran bahasa, salah satu penghalang utama komunikasi ialah *anxiety* atau kebimbangan berbahasa, terutamanya dalam situasi bertutur. Literatur menunjukkan kebimbangan bahasa dan pengalaman pembelajaran terdahulu mempengaruhi cabaran bertutur dan strategi yang digunakan pelajar (Halali et al., 2023). Maka, universiti perlu mewujudkan persekitaran selamat untuk latihan komunikasi, membina sokongan rakan sebaya, dan menggunakan pendekatan *scaffolded practice* agar pelajar tidak melihat komunikasi sebagai ancaman. Ini berpotensi memperkukuh komunikasi dan seterusnya kemenjadian.

Dapatan ini juga relevan dalam konteks dasar pendidikan tinggi dan standard program. *Malaysia Education Blueprint 2015–2025 (Higher Education)* menekankan pembangunan graduan holistik dan bersedia kerja melalui pengukuhan kemahiran insaniah, termasuk

komunikasi (Ministry of Education Malaysia, 2015). Program Standard Bahasa dan Linguistik pula menggariskan hasil pembelajaran yang seimbang merentas domain pengetahuan, kemahiran dan nilai, dan komunikasi merupakan komponen yang perlu dibangunkan secara berstruktur dalam program bahasa (Malaysian Qualifications Agency, 2020). Oleh itu, hubungan sederhana yang signifikan antara komunikasi bahasa Arab dan kemenjadian pelajar menyediakan bukti empirikal yang menyokong agenda nasional: pengukuhan komunikasi bahasa ketiga seperti bahasa Arab berpotensi mengangkat kemenjadian pelajar sebagai modal insan universiti.

Kesimpulan dan Cadangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan wujud hubungan positif yang sederhana dan signifikan antara kemahiran komunikasi bahasa Arab dengan kemenjadian pelajar bahasa Arab di universiti awam Pantai Timur ($r = 0.52$; $t = 10.44$; $p < 0.001$), dengan kemahiran komunikasi menjelaskan 30.3% variasi kemenjadian ($R^2 = 0.303$) dan menunjukkan kadar peningkatan yang bermakna melalui regresi ($\beta = 0.615$). Dapatan ini memberikan asas empirikal yang kukuh bahawa pengukuhan komunikasi bahasa Arab perlu dijadikan strategi utama pembangunan pelajar bahasa Arab, sejajar dengan tuntutan pembangunan graduan holistik dan kebolehpasaran (Ministry of Education Malaysia, 2015; Malaysian Qualifications Agency, 2020; Ting et al., 2020; Basir, 2022). Namun, kerana kemenjadian pelajar bersifat multidimensi, hubungan ini perlu difahami dalam kerangka ekosistem pembelajaran yang lebih luas, termasuk peranan bi'ah lughawiyah, engagement, efikasi sendiri dan faktor pedagogi, di samping mengakui keterbatasan reka bentuk keratan rentas serta pengukuran pelaporan sendiri (Che Mohd Zaid, 2018; Kahu & Nelson, 2018; Creswell & Creswell, 2018; Field, 2018). Dengan mengambil kira semua ini, dapatan kajian bukan sahaja menjawab persoalan hubungan, tetapi turut memberi hala tuju penambahbaikan program bahasa Arab di universiti awam Pantai Timur melalui pengukuhan komunikasi yang autentik, sistematik dan berorientasikan hasil pembelajaran.

Penghargaan

This research was funded by the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) under the Ministry of Higher Education Malaysia (MoHE) FRGS/1/2023/SSI07/UMK/03/1 and Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abd Rahman, M., Ismail, K., & Zulkifli, S. (2023). Integrasi kemahiran komunikasi dalam pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(3), 112–128.
- Ain Nabiha, A., & Aizan, A. M. Z. (2024). Kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM): Isu dan solusi. *Muqaddimah: Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1), 1–21.
- Al-Masri, A. (2022). Developing a comprehensive assessment framework for Arabic language learners: A portfolio-based approach. *Language Testing*, 39(3), 380–402.
- Al-Sobh, M. A., Abu-Melhim, A. R., & Bani-Hani, N. A. (2020). Integrating language skills in teaching Arabic as a foreign language: A descriptive study. *International Journal of English Language and Literature Studies*, 9(1), 1–10.
- Alosh, M. (2019). *Arabic language learning strategies: Theory and practice*. Georgetown University Press.

***Hubungan Kemahiran Komunikasi dengan Kemenjadian Pelajar Bahasa Arab
di Universiti Awam Pantai Timur***

- Alrabai, F. (2023). Enhancing language learning motivation: A practical guide for teachers of Arabic as a foreign language. *Language Teaching Research*, 27(1), 95–118.
- Basir, N. H. (2022). Soft skills and graduate employability: The mediating effect of communication competency among Malaysian undergraduates. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(4), 1531–1548.
- Che Mohd Zaid, Y. (2018). *Bi'ah lughawiyah dalam pembelajaran bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Clarke, M. (2018). Rethinking graduate employability: The role of capital, individual attributes and labour market factors. *Studies in Higher Education*, 43(11), 1923–1937.
- Fadzil, N. A., Md Rofiee, M., & Mohd Noor, N. I. (2023). The relationship between the motivation to communicate in Arabic and the readiness to engage in Arabic communication among students at Kolej Universiti Islam Perlis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(11), 2304–2316.
- Halali, A. A. S., et al. (2023). The effect of communication language anxiety and prior learning experience on speaking challenges and strategies: The case of Libyan students in Malaysian higher education institutions. *Journal of International Students*, 13(3), 362–388.
- Holmes, L. (2013). Complicating ‘employability’: Graduate identity as a lens for higher education policy and practice. *Studies in Higher Education*, 38(4), 538–554.
- Kahu, E. R., & Nelson, K. (2018). Student engagement in the educational interface: Understanding the mechanisms of student success. *Higher Education Research & Development*, 37(1), 58–71.
- Knight, P. T., & Yorke, M. (2003). Employability and good learning in higher education. *Teaching in Higher Education*, 8(1), 3–16.
- Malaysian Qualifications Agency. (2020). *Program standard: Bahasa dan linguistik*. Malaysian Qualifications Agency.
- Ministry of Education Malaysia. (2015). *Malaysia Education Blueprint 2015–2025 (Higher Education)*. Putrajaya: Ministry of Education Malaysia.
- Mohd Sofar, N. A. R. (2023). Level of Mastery of Arabic Language Communication Skills among Students in Religious Secondary Schools in Kuala Muda District, Kedah Darul Aman. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 89–100.
- Succi, C., & Canovi, M. (2020). Soft skills to enhance graduate employability: Comparing students and employers’ perceptions. *Studies in Higher Education*, 45(9), 1834–1847.
- Suhaimi, M. F., & Ahmad Sabri, A. S. (2023). Causes of Students Facing Difficulties in Speaking Arabic and Methods to Overcome It Among Arabic Students at UPSI. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 55–67.
- Ting, S. H., Marzuki, E., Chuah, K. M., Misieng, J., & Jerome, C. (2020). Graduate employability of Malaysian language students. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(3), 90–110.
- Tomlinson, M. (2017). Forms of graduate capital and their relationship to graduate employability. *Education + Training*, 59(4), 338–352.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press
- Yakob, M. H. (2023). Use of Lughatul Fasli among Arabic Language Training Teachers at Sultan Idris Education University. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 117–125.